

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]

TARIKH : 11 MAC 2015 (RABU)

**DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN] minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN
KEPENGUNAAN menyatakan:**

- a) setakat mana kewujudan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) membantu rakyat setempat dalam menawarkan harga barangan yang murah dan berkualiti; dan
- b) adakah KR1M wujud di Parlimen Libaran dan jika ada berapakah jumlahnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

- a) Objektif utama penubuhan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) adalah untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana mendapatkan barangan keperluan harian khususnya yang berjenama 1Malaysia Kedai Rakyat (1MKR) pada harga yang lebih berpatutan berbanding produk yang sama tetapi berjenama. Harga ditetapkan pada kadar antara 5 hingga 50 peratus lebih murah berbanding harga pasaran bagi produk yang sama. Kualiti produk juga terjamin melalui pengiktirafan daripada pihak berwajib seperti Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bagi produk-produk makanan.

Tuan Yang Di-Pertua,

- b) Pada masa sekarang, Kementerian masih lagi sedang mengenalpasti lokasi yang sesuai di kawasan Parlimen Libaran dengan kerjasama pihak operator dan pejabat ahli Parlimen. Kementerian mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat jika wujud lokasi yang bersesuaian untuk dibangunkan KR1M. Bagi tahun 2015, Kerajaan telah mensasarkan sebanyak 25 buah KR1M akan dibangunkan iaitu sebanyak 20 buah di Semenanjung, 2 di Sabah dan 3 di Sarawak.